

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

SAU 203 - Psikologi Sosial

Tarikh: 15 April 1988

Masa: 2.45 ptg - 5.45 ptg
[3 Jam]

Pilih EMPAT soalan sahaja.

1. Pemerhatian telah menunjukkan bahawa kadar kekacauan politik di dalam bentuk rusuhan mempunyai korelasi dengan suhu; iaitu rusuhan berlaku apabila hari panas. Satu kesimpulan yang senang ialah untuk mengatakan bahawa kepanasan menyebabkan rusuhan. Apakah interpretasi-interpretasi lain yang meliputi pembolehubah (variable) tambahan? Bincangkan jawapan anda dengan merujuk kepada metodologi psikologi sosial.

[25 markah]

2. Memperkenalkan idea-idea dan nilai-nilai baru adalah satu elemen yang penting di dalam masyarakat. Oleh kerana orang-orang cenderung untuk menentang apa yang baru, hanya individu yang mempunyai prestij dan kredibiliti yang tinggi sahaja yang boleh memperkenalkan idea-idea baru. Walaubagaimanapun individu begini mungkin hilang kredibilitinya jikalau dia cuba menjadi inovatif. Apakah implikasi konflik antara keperluan untuk mendapatkan prestij yang tinggi dan pada masa yang sama menjadi inovatif, serta bahaya kehilangan prestij kerana menjadi inovatif? Bincangkan.

[25 markah]

3. Kenapa orang-orang yang melalui upacara penganggotaan yang teruk (severe initiation rites) ke dalam sesuatu kumpulan akan menjadi lebih komited kepada kumpulan itu, walaupun kumpulan tersebut tidak sebegitu menarik seperti yang disangkakan sebelum mereka memasukinya? Bincangkan dengan merujuk kepada teori disonans.

[25 markah]

4. Freud telah menghujahkan bahawa pantang-larang (taboo) terhadap inses (incest) adalah perlu kerana tarikan di dalam keluarga adalah begitu kuat. Kenapa keadaan ini mungkin benar? Bincangkan.

[25 markah]

...2/-

5. Secara intuitif kita mengharapkan satu kumpulan itu berfungsi dengan lebih efektif daripada seorang individu. Tetapi sejarah tidak menunjukkan ini, contohnya keputusan yang diambil oleh Nazi Jerman untuk menceroboh Rusia selepas kejayaan mereka mengalahkan Perancis pada 1941 atau keputusan yang diambil oleh firma Jerman Grunenthal Chemie untuk mengeluarkan dan memasarkan ubat pelali 'thalidomide' dalam tahun 1961. Kenapa dan bagaimana keadaan ini boleh berlaku? Bincangkan.

[25 markah]

6. Mann (1981) meneliti laporan-laporan mengenai kejadian-kejadian di mana orang-orang mengancam untuk membunuh diri dengan melompat terjun dari bangunan-bangunan yang tinggi. Didapati di dalam 10 daripada 21 kes yang dilihat, kumpulan ramai (crowd) dengan sengaja dan secara serius mengumpan individu-individu ini untuk terjun. Kenapa dan bagaimana keadaan ini boleh berlaku? Bincangkan.

[25 markah]

- oooOooo -